

PM yakin masa depan G15 cerah

U.M. - 1 DEC 1992

SUBANG 30 Nov. — Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad yakin masa depan Kumpulan 15 (G15) negara-negara membangun adalah cerah walaupun Argentina menarik diri daripada menyertai Sidang Kemuncak G15 di Dakar, Senegal baru-baru ini.

Beliau berkata, banyak negara Selatan lain yang menunjukkan minat untuk menyertai kumpulan tersebut dan ini terbukti dengan penyertaan Chile sebagai anggota terbaru kumpulan itu.

"Saya beranggapan masa depan G15 adalah cerah dan tidak semestinya ia kekal dengan 15 ahli 'sahaja kerana Kumpulan 77 (G77) juga mempunyai lebih daripada seratus anggota," katanya kepada pemberita di Lapangan Terbang Antarabangsa (LTAB) Subang, di sini, hari ini sekembalinya dari lawatan ke Namibia, Tunisia dan Senegal.

Perdana Menteri berkata,

bukanlah luar biasa sekiranya G15 dianggotai oleh lebih 15 negara dan namanya boleh dikekalkan sebagaimana yang ada pada hari ini.

Menurut beliau, pemilihan negara untuk menganggotai kumpulan tersebut adalah dibuat secara rambang sahaja 'dan sudah tentu ada negara yang menunjukkan minat yang kuat dan ada yang sebaliknya.

Tambahnya, walaupun Argentina menarik diri daripada menyertai Sidang Kemuncak G15 di 'Senegal tetapi pada hakikatnya, negara itu telah bersetuju menjadi tuan rumah Sidang Kemuncak G15 pada tahun 1994.

Mengenai hasil lawatannya ke Namibia, Tunisia dan Senegal, Perdana Menteri berkata, pada umumnya beliau berpuas hati dan menyifatkannya sebagai sangat berguna.

"Saya dapati negara-negara tersebut begitu berminat untuk mengadakan hubungan rapat

dengan negara kita dan jika kita rajin, boleh mengadakan hubungan dagang dan ekonomi dengan mereka," katanya.

Dr. Mahathir juga puashati terhadap penerimaan yang menggalakkan oleh Sidang Kemuncak G-15 terhadap Pusat Pertukaran Data Mengenai Pelaburan, Perdagangan dan Pelaburan Selatan atau SITTDEC yang dirancang oleh Malaysia.

"Saya yakin dengan ini, perdagangan dengan negara-negara Selatan akan bertambah," ujarnya lagi.

Beliau juga gembira dengan penerimaan Perjanjian Pembayaran Dua Hala (BPA) yang dikemukakan oleh Malaysia sewaktu Sidang Kemuncak G15 pertama di Kuala Lumpur.

Menurutnya, pada 'sidang tersebut, Malaysia mencadangkan penubuhan pusat kecemerlangan di Selatan dan mengadakan seminar perancangan ekonomi bagi tujuan menarik minat lebih banyak negara Selatan.